

01/04/2000

Pencipta laman web menang anugerah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelajar berusia 16 tahun, Ahmad Fariz Hanapiah, memenangi anugerah terbaik Trofi Perdana Menteri pada majlis Anugerah Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi Asia Pasifik (APMITTA) di Seri Kembangan, dekat sini, malam ini.

Pelajar tingkatan empat Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa, Klang itu turut meraih anugerah kategori Projek Terbaik Pelajar menerusi hasil kreativitinya membina laman web Malaysian Soccer Online iaitu memaparkan analisis mendalam perkembangan bola sepak tanah air.

Ahmad Faiz yang diiringi ibu bapanya, Dr Hanapiah Arshad dan Ainan Salleh menerima anugerah itu yang disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya mula membina laman web ini sejak berusia 10 tahun dan memilih bola sepak bagi meninjau perkembangan sejarahnya dari dulu hingga sekarang kerana prihatin terhadap sukan itu.

"Saya membina laman web itu atas daya usaha sendiri tanpa latihan formal. Saya bercita-cita menjadi ahli sains komputer," kata anak bongsu daripada enam adik beradik itu yang lulus cemerlang dengan keputusan 8A dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun lalu.

Abangnya, Dr Firdaus pula berkata, beliau cuma membekal buku mengenai teknologi maklumat kepada adiknya itu untuk belajar sendiri.

Sementara itu, e-business eXchange (e-Bx) dan TeleCARE Voice Mail System (TeleCARE VMS) diumumkan sebagai pemenang bersama Anugerah Terbaik Trofi Perdana Menteri bagi kategori syarikat.

Sebanyak 30 daripada 197 penyertaan berjaya memasuki pertandingan akhir bagi 10 kategori antaranya aplikasi terbaik dalam pembelajaran pintar; rumusan terbaik dalam teleperubatan dan aplikasi perisian terbaik.

Kategori lain termasuk pembangunan kandungan terbaik; aplikasi e-Kerajaan terbaik; syarikat baru terbaik; produk komersil industri terbaik; rumusan kad pelbagai guna terbaik; teknologi komunikasi tambah nilai terbaik dan projek pelajar terbaik.

(END)